

2/10/82

No. Hari 2992
No. Penerimaan 727/82

Ucapan di PBB

Mahathir diuji kerana terus terang

Bahan asal dari Arklb Negara Malaysia



● PROF. MOKHTAR KUSUMATMADJA



● DR. MAHATHIR dalam berbagai gaya



● PEMANDANGAN suasana di sidang PBB

Oleh AHMAD NAZRI ABDULLAH

NEW YORK,— Menteri-Menteri Luar ASEAN menfaktakan ucapan sulung Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di perhimpunan agung, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kelmarin sebagai keras, tegas dan berterus terang.

Ketegasan Perdana Menteri ketika menimbulkan isu ketidakadilan dalam hubungan ekonomi utara-selatan diuliskan oleh Menteri-Menteri Luar ASEAN yang mengangapnya sebagai patut dan berkesan.

"Ucapan Perdana Menteri Malaysia itu amat baik sekali. "Dan saya sekali yang dikatakannya itu memang patut diperkatakan," demikian kata Menteri Luar Indonesia, Prof. Mukhtar Kusumatmadja ketika ditemui di Ibu Pejabat PBB di sini semalam.

"Isu ekonomi itu memang benar sekali dan saya kira tidak ramai pemimpin-pemimpin lain berani berucap seperti yang diucapkan oleh Perdana Menteri Malaysia itu," tambah beliau lagi.

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri Singapura, Enck S. Rajaratnam pula

mengatakan, isu ekonomi dan Kampuchea yang ditegaskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai dua perkara yang penting dan jelas.

"Saya berpendapat dua perkara itu akan meninggalkan kesan yang mendalam kepada perwakilan PBB dan sepatutnya ia diberi perhatian serius," ujarnya.

Menyentuh komen Perdana Menteri tentang keruntuhan moral PBB, Enck S. Rajaratnam menjelaskan:

"Memang setiap negeri mempunyai kepercayaan masing-masing terhadap kebajikan PBB melaksanakan keputusannya dan dalam hubungan ini Singapura bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri Malaysia, tambah beliau.

Seimbang

Timbalan Perdana Menteri Singapura itu juga bersetuju dengan pandangan Datuk Seri Dr. Mahathir supaya isu ekonomi dunia diselesaikan segera.

"Saya kira isu hubungan ekonomi utara-selatan yang ditimbulkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai satu amaran serius kepada negara-negara maju, supaya mengubahsuai

segera kendaan agr ekonomi dunia supaya lebih seimbang," tambah beliau.

Menteri Luar Thailand, Ketua Maryal Udara Siddhi Savetsila ketika diminta pandangan tentang ucapan Mahathir menunjukkan yang tegas seperti yang beliau lakukan di Malaysia. Ucapan beliau menyentuh segala aspek.

"Isu ekonomi yang dikemukakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir sangat memuaskan dan saya kira negara-negara maju harus menyedari hakikat ini."

Dalam ucapannya semalam, Datuk Seri Dr. Mahathir membidas negara-negara maju kerana mereka menyebabkan kemelesetan ekonomi dunia sekarang.

Mengenai kritiknya tentang peritwa di Lebanon, Menteri Luar Indonesia mengemukakan perkara itu patut diberi perhatian dan katanya, kita memang mempunyai peritran yang sama dalam hal ini. Ketiga-tiga pemimpin ASEAN itu juga mengemukakan ketegasan Perdana Menteri ketika menyentuh isu penyelesaian Kam-

puchea. Mereka sependapat bahawa perwakilan PBB patut serius dalam hal itu.

Bagaimanapun, Menteri-Menteri Luar ASEAN dan Enck S. Rajaratnam tidak dapat memberi pandangan mengenai isu Antartika dan mereka menafikan sebagai perkara baru yang harus diberi masa untuk membincangkannya.

Bagaimanapun, tidak ada sebab mengapa Singapura

tidak boleh bersetuju dalam hal ini kerana Antartika tidak memberi perhatian di kalangan negara-negara maju sahaja, ujar Enck S. Rajaratnam.

Sementara itu, beberapa wartawan asing yang membuat liputan akhir di perhimpunan itu mengangap ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai jelas.

Bagaimanapun, selanglah mereka tidak bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri dalam hal Kampuchea.

● Dr. Mahathir bidas negara-negara maju kerana merekalah yang menyebabkan berlakunya kemelesetan ekonomi dunia sekarang.